

Tangkap golongan gugat keselamatan negara

'ISA senjata terakhir...'

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai senjata terakhir untuk menangkang golongan yang mengugut keselamatan negara.

Tiga golongan telah dikenalpasti sebagai golongan yang boleh mengugut keselamatan negara meskipun kini ia tidak begitu serius iaitu:

- Parti pembangkang yang berbohong dengan rakyat seperti memburuk-burukan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti skim Amanah Saham Nasional (ASN), Bank Islam atau Universiti Islam.

- Golongan yang mahu merampas kuasa melalui revolusi yang kini biasa dilaungkan oleh pelajar-pelajar Malaysia di sebarang laut.

- Hubungan Parti Komunis Malaysia dengan pemimpin politik pembangkang tempatan untuk meneruskan perjuangan mereka. Hubungan itu kini masih di peringkat bawahan parti dan lebih merupakan hubungan peribadi.

Bercakap kepada pemberita selepas mengemukakan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini tengahari ini, beliau memberi jaminan bahawa ISA tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya melainkan jika tindak-tanduk golongan berkenaan mengugut keselamatan negara.

Penggunaan ISA adalah bergantung pada paran bahaya yang dilakukan oleh golongan berkenaan dan jika ia boleh dikawal atau dibendung, kerajaan tidak akan mengambil tindakan seumpama itu.

Ini bermakna mereka itu tidak akan ditangkang dalam sedikit masa ini memandangkan kegiatan mereka tidak begitu berat.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jahar.

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

Perdana Menteri menegaskan bahawa tindakan itu diambil bukan bermakna kerajaan tidak membenarkan rakyat mengkritik atau menentang pihak berkuasa.

"Orang ramal boleh menentang kerajaan tetapi

mereka tidak boleh berbohong kepada rakyat semata-mata untuk mendapatkan pengaruh," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Sebagai contoh, katanya dalam pelaksanaan skim ASN, golongan pembangkang menghasut rakyat supaya jangan membeli saham berkenaan kerana selama 26 tahun merdeka, rupa-rupanya rakyat tidak mempunyai saham dalam negara ini.



● DATUK SERI DR MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia